

# PROGRAM DERMA DARAH KOLEJ TENTERA UDARA



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4397-program-derma-darah-kolej-tentera-udara](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4397-program-derma-darah-kolej-tentera-udara)

ALOR SETAR, 17 Jan 18 - Kolej Tentera Udara telah menganjurkan program derma darah bertempat di Dewan Aero dengan kerjasama Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar.

Objektif program ini adalah bagi menyahut kempen derma darah oleh Hospital Sultanah Bahiyah (HSB). Pegawai Perubatan HSB memaklumkan kempen yang dianjurkan ini adalah bagi menampung keperluan bekalan darah di hospital.

Program ini telah mendapat sokongan sepenuhnya oleh Komandan Kolej, Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM kerana berjaya meraih sumbangan darah sebanyak 114 pain. Ini sedikit sebanyak telah meringankan beban pihak hospital yang mengalami masalah kekurang bekalan darah, di samping memberi peluang kepada warga Kolej untuk melaksanakan Corporate Social Responsibility (CSR) kepada masyarakat setempat.



